

---

SIARAN MEDIA

**MyCC MEMPENGERUSI JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN**

**KUALA LUMPUR, 15 Jun 2016** - Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan dipengerusikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), baru-baru ini mengadakan mesyuarat bagi membincangkan pelbagai isu-isu persaingan merentasi pengawal selia sektor.

Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan telah ditubuhkan pada tahun 2011 pada dasarnya adalah untuk berkongsi isu-isu lazim undang-undang dan polisi persaingan serta untuk memastikan bahawa terdapat konsistensi dalam penggunaan undang-undang tersebut. Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan terdiri daripada wakil-wakil daripada pengawal selia sektor, iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

SPAD memaklumkan bahawa aduan yang sering diterima dan yang selalu ditangani adalah tidak berkaitan dengan persaingan. Walau bagaimanapun, MyCC menyatakan bahawa isu mengenai perkhidmatan teksi khususnya mungkin berkaitan dengan persaingan kerana keutamaan diberikan kepada pengusaha teksi yang dipilih dan beroperasi di kawasan tertentu sahaja.

BNM, dalam memastikan amalan pasaran yang adil, terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk membangunkan rakyat Malaysia yang berkompetensi dari segi pengurusan kewangan, mengukuhkan rejim perlindungan pengguna dan meningkatkan kualiti dan kecekapan pasaran. BNM menerangkan liberalisasi ini berdasarkan kepada tiga teras utama iaitu menggalakkan kecekapan dan persaingan yang sihat untuk meningkatkan pengalaman pengguna, mewujudkan industri responsif yang memenuhi keperluan dan keutamaan pengguna, dan memelihara keselamatan dan kekuahan industri yang akan memberikan perkhidmatan dan nilai yang lebih baik kepada pengguna.

SKMM telah mengambil inisiatif untuk menyampaikan Jaminan Kualiti dan Perlindungan Pengguna dengan memperkenalkan pelan pemerkasaan pengguna. Ia bertujuan untuk memberi kuasa kepada pengguna melalui pendekatan pembangunan sebahagian daripada inisiatif untuk menggalakkan persekitaran yang dikawal selia melalui pengawalan kendiri. Matlamat terakhir adalah untuk meningkatkan industri yang responsif kepada keperluan pengguna, keyakinan pengguna terhadap kualiti perkhidmatan, akses yang meluas kepada perkhidmatan dan kemampuan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia.

Sementara itu, SKMM pula sedang meningkatkan perlindungan pengguna serta pembangunan industri, dengan mengambil kira harga yang ditawarkan oleh industri telekomunikasi yang boleh memberi kesan kepada pengguna. Berkaitan dengan aduan yang diterima oleh SKMM, ianya adalah berkaitan dengan isu komersial dan bukan persaingan.

SC memaklumkan bahawa usaha berterusan yang dijalankan oleh pihaknya untuk mendidik para pelabur berkenaan dengan perlindungan pelaburan.

ST pula memberi penerangan mengenai Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016 dan juga mengenai pembangunan Rang Undang-Undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016 yang telah diluluskan bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 17 Mac 2016. Bagi menggalakan usaha liberalisasi, Bab Persaingan turut diperkenalkan bagi Rang Undang-Undang tersebut dengan menggunakan pakai peruntukan daripada Akta Persaingan 2010 dan secara keseluruhan 6 bab baru dan 33 seksyen akan didapati di bawah Rang Undang-Undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016.

Mengenai isu band air, SPAN memberitahu ianya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, penglibatan berterusan bersama kerajaan negeri dilakukan oleh SPAN bagi membincangkan cara-cara untuk menambahbaik sumber air.

MAVCOM pula membentangkan mengenai latar belakang, fungsi dan bidang kuasa Suruhanjaya yang baru ditubuhkan.

--tamat--

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan Hassan, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [izan@mycc.gov.my](mailto:izan@mycc.gov.my)

Wan Nurhafizah, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: [nurhafizah@mycc.gov.my](mailto:nurhafizah@mycc.gov.my)

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)